

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Penyeliaan Latihan Mengajar Oleh Guru Pembimbing Dan Penyelia UTM Semasa Menjalani Latihan Mengajar

Norani Binti Mohd Nor & Mohd Azhar Bin Ayob

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar tahun empat yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekanikal) terhadap penyeliaan latihan mengajar oleh guru pembimbing dan penyelia Universiti Teknologi Malaysia semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Kajian ini mengenai penyeliaan sebelum sesi pengajaran (Prapemerhatian), selepas sesi pengajaran (Pasca-pemerhatian), aspek membuat penilaian pengajaran dan dalam aspek kawalan serta pengurusan kelas. Seramai 74 orang pelajar dipilih sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat ialah soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science, Version 12*) berdasarkan kepada skor kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih menyatakan bahawa guru pembimbing dan penyelia UTM menjalankan sesi penyeliaan dengan sebaiknya terhadap mereka melalui kaedah bimbingan dan perbincangan sebelum sesi pengajaran (Pra-pemerhatian), selepas sesi pengajaran (Pasca-pemerhatian), aspek membuat penilaian pengajaran dan dalam aspek kawalan serta pengurusan kelas. Namun begitu, terdapat segelintir guru pelatih yang kurang dibimbing serta diselia dalam aspek pembinaan soalan secara sistematik mengikut aras kesukaran. Walaubagaimanapun, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk menambahbaik dan mengatasi masalah yang wujud dalam menjalani latihan mengajar.

Katakunci : persepsi guru pelatih, penyeliaan latihan mengajar, guru pembimbing, penyelia UTM, latihan mengajar

Pengenalan

Arus pemodenan masa kini membuatkan perubahan yang berlaku di sekeliling kita menjadi semakin mencabar. Saban hari, kita sering diingat akan kepentingan mempertingkatkan kualiti, kemahiran dan pencapaian kerja. Bidang perguruan juga tidak terkecuali daripada menerima bahang kepesatan pembangunan sebegini. Semua guru di seluruh negara perlu menghayati dan menerima satu bentuk transformasi yang sedang dialami oleh setiap lapisan warga di negara kita. Transformasi yang dimaksudkan ialah pendidikan yang menjadi asas bagi menghala ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Wawasan 2020 yang diiltizamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr Mahathir Bin Mohamed adalah bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang menyeluruh di mana peranan teknologi maklumat menjadi semakin kritikal. Situasi sebegini merupakan satu cabaran bagi semua guru dan bakal guru. Mereka perlu berusaha meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru yang berwibawa bagi membentuk generasi muda untuk membangunkan negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 . 2010 (PIPP) yang merupakan pelan pelaksanaan dan telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 16 Januari 2007. Pelan ini menggariskan enam teras utama bagi menjayakan Misi Nasional dalam RMK-9. Dalam PIPP ini, enam teras strategik diberi tumpuan iaitu i) membina negara bangsa, ii) membangunkan modal insan, iii) memperkasakan sekolah kebangsaan, iv) merapatkan jurang pendidikan, v)

memartabatkan profesion keguruan serta vi) melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan yang sedia ada. Pelaksanaan PIPP menggunakan dua pendekatan iaitu i) menyelesaikan tugas yang belum selesai untuk menyamaratakan medan persaingan; dan ii) melonjakkan kecemerlangan pendidikan dengan menjana kecemerlangan institusi pendidikan iaitu membangunkan modal insan seperti yang diketengahkan oleh Perdana Menteri Malaysia kini iaitu Y.A.B Datuk Seri Abdullah Bin Hj Ahmad Badawi.

Pemantapan latihan perguruan harus dilihat daripada aspek sedia ada iaitu pemantapan guru-guru di sekolah dan yang sedang di peringkat latihan iaitu di maktabmaktab perguruan dan institut-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berorientasikan bidang perguruan. Bagi bakal guru, pemantapan latihan perguruan dapat dilihat daripada aspek kurikulum yang digubal. Latihan mengajar merupakan antara kandungan penting dalam melahirkan bakal guru masa hadapan.

Dalam pemantapan latihan ini, penilaian daripada kedua-dua belah pihak iaitu tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri perlu diteliti. Produktiviti yang ingin ditingkatkan tidak harus dibincangkan hanya di sebelah pihak iaitu di kalangan pensyarah penilai, tetapi responden yang dinilai juga perlu diberi peluang untuk menyuarakan maklumbalas dan pandangan masing-masing mengenai penilaian yang dilakukan terhadap mereka.

Pernyataan masalah

Dalam setiap sesi latihan mengajar yang dilalui, guru pelatih akan diselia oleh guru pembimbing dan penyelia Universiti Teknologi Malaysia di tempat mereka menjalani latihan mengajar. Penilaian yang dilakukan ke atas setiap guru pelatih sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka bakal guru mempersiapkan diri ke arah seperti yang dikehendaki berdasarkan item yang diuji.

Namun, apakah tanggapan guru pelatih terhadap penyeliaan yang dilakukan ke atas mereka? Adakah penyeliaan dilakukan dalam aspek-aspek penting yang perlu dinilai? Adakah guru pembimbing dan penyelia UTM membimbing guru pelatih berasaskan pencerapan klinikal, berbincang mengenai kebaikan dan kelemahan pengajaran semasa sesi pra-pemerhatian, pasca-pemerhatian, membuat penilaian pengajaran serta dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas? Dengan itu, permasalahannya ialah bagaimana persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan latihan mengajar oleh guru pembimbing dan penyelia Universiti Teknologi Malaysia semasa menjalani latihan mengajar di sekolah.

Objektif kajian

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai objektif seperti berikut:

- i. Mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM sebelum sesi pengajaran (Pra-pemerhatian).
- ii. Mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM selepas sesi pengajaran (Pasca-pemerhatian).
- iii. Mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM dalam aspek membuat penilaian pengajaran.
- iv. Mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas.

Kepentingan kajian

Kajian ini akan mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia Universiti Teknologi Malaysia semasa menjalani latihan mengajar. Kajian ini dapat memberikan data mengenai tanggapan guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM semasa menjalani latihan mengajar. Maklum balas yang diberikan itu akan dapat digunakan oleh pihak sekolah dan pihak universiti bagi membuat persiapan menyediakan guru pembimbing dan penyelia untuk sesi penyeliaan akan datang.

Kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak sekolah terutamanya guru pembimbing sebagai panduan dan persiapan bagi mereka untuk sesi penyeliaan terhadap guru pelatih pada masa akan datang.

Pihak Fakulti Pendidikan juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kualiti penyeliaan latihan mengajar oleh penyelia yang telah dilantik melalui bengkel yang biasanya diadakan sebelum bermulanya sesi latihan mengajar.

Kesimpulannya, kajian ini adalah amat penting supaya penyelia dapat memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang telah dikesan semasa penyeliaan yang lepas. Diharapkan agar sesi penyeliaan akan datang dapat diperbaiki kelemahannya dan dipertingkatkan lagi kualitinya demi untuk melahirkan bakal guru yang cekap dan mahir dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Rekabentuk kajian

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk diskriptif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik lebih pratikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel. Hal ini disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan. (Majid Konting, 1993). Pengedaran borang soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan persepsi guru pelatih tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (4 STP) bagi sesi 2007/2008 terhadap penyeliaan latihan mengajar oleh guru pembimbing dan penyelia UTM .

Kajian ini melibatkan proses menganalisis data diskriptif yang diperolehi daripada soal selidik yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar tahun empat STP tersebut. Menurut Majid (1993), penyelidikan diskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Populasi dan sampel kajian

Pengkaji menggunakan sampel daripada populasi pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (4 STP), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia bagi sesi 2007/2008. Antara kursus yang terlibat ialah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik, dan Mekanikal). Pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi pengajian 2007/2008 dikecualikan daripada populasi kajian memandangkan pengkhususan mereka di sekolah adalah cenderung kepada pengajaran di peringkat menengah rendah berbanding pengkhususan Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal yang lebih kepada pengajaran di peringkat menengah atas. Sampel tersebut juga dipilih kerana didapati mereka memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh penulis iaitu sudah menjalani kursus latihan mengajar selama 12 minggu dan mereka turut diselia oleh guru pembimbing dan penyelia UTM.

Populasi kajian adalah terdiri daripada semua pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan sesi pengajian 2007/2008 yang sedang mengikuti program Ijazah

Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekanikal) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai iaitu seramai 74 orang. Di dalam kajian ini, penyelidik mengambil kesemua 74 orang pelajar sebagai responden manakala seramai 15 orang pelajar tahun tiga Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (3 STP) yang telah menjalani latihan mengajar diambil secara rawak bagi tujuan kajian rintis. Taburan responden mengikut kursus adalah dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Taburan Responden Kajian Mengikut Pengkhususan

Kursus	Bil
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam)	29
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik)	31
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Mekanikal)	14
Jumlah	74

Sumber: Pejabat Akademik, Fakulti Pendidikan UTM

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk satu set soal selidik. Pemilihan kaedah ini adalah kerana data dan maklumat yang diperolehi lebih tepat. Kaedah ini juga dapat menjimatkan kos, masa dan senang untuk mendapatkan kerjasama daripada responden serta dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Borang soal selidik ini disediakan dalam dua bahagian iaitu:-

Bahagian A

Bahagian ini mempunyai maklumat berkenaan latar belakang responden seperti jantina, umur, bangsa dan aliran.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi maklumat berkenaan penyeliaan guru pembimbing dan penyeliaan UTM sebelum sesi pengajaran (Pra-pemerhatian), selepas sesi pengajaran (Pasca-pemerhatian), membuat penilaian pengajaran serta pengurusan dan kawalan kelas. Terdapat 40 item soalan dan soalan-soalan ini dibina sendiri oleh pengkaji dengan mementingkan aspek-aspek yang hendak dikaji berdasarkan sorotan kajian. Bagi memudahkan data dianalisis, bilangan item soalan yang dibina dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut aspek-aspek yang dikaji.

Kajian rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik telah membuat kajian rintis terhadap 15 orang sampel yang dipilih secara rawak di kalangan pelajar tahun tiga STP, Fakulti Pendidikan yang telah menjalani latihan mengajar selama 12 minggu. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui kebolehpercayaan instrumen kajian. Menurut Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Item-item yang dijawab melalui kajian rintis diuji kebolehpercayaannya dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Science, Version 12*). Menurut Mohd. Najib (1999), soal selidik mempunyai indeks kebolehpercayaan dan kesahan melebihi

0.7 adalah boleh digunakan sebagai alat ukur sesuatu kajian. Daripada kajian rintis yang dijalankan, kebolehpercayaan item yang diperolehi adalah alpha 0.91.

Analisis Data

Jadual 2 di bawah berkaitan dengan persoalan kajian keempat iaitu untuk mengetahui persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas semasa menjalani latihan mengajar. Terdapat 9 item soalan dan dianalisis mengikut taburan kekerapan dan nilai min.

Jadual 2: Taburan kekerapan dan skor min mengenai maklumbalas daripada guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas

No. Item	Pernyataan	Guru Pembimbing				Penyelia UTM			
		Respon (%)			Min	Respon (%)			Min
		TS	TP	S		TS	TP	S	
32	Saya diselia dalam aspek interaksi yang baik dengan pelajar	8 (10.8)	6 (8.1)	60 (81.1)	2.70	6 (8.1)	3 (4.1)	65 (87.8)	2.80
33	Saya diselia dalam aspek pengelolaan bilik darjah dan bengkel agar teratur dan selamat	7 (9.5)	6 (8.1)	61 (82.4)	2.73	10 (13.5)	4 (5.5)	60 (81.1)	2.68
34	Saya diselia dalam aspek kawalan pelajar di dalam kelas	11 (14.9)	3 (4.0)	60 (81.1)	2.66	9 (12.2)	4 (5.5)	61 (82.4)	2.70
35	Saya digalakkan mewujudkan pembelajaran berpusatkan pelajar	11 (14.9)	5 (6.8)	58 (78.3)	2.64	7 (9.5)	2 (2.7)	65 (87.8)	2.78
36	Saya disarankan mengambil berat perjalanan pengajaran saya	5 (6.8)	3 (4.0)	66 (89.2)	2.82	7 (9.5)	3 (4.1)	64 (86.4)	2.77
37	Saya diselia dalam aspek mewujudkan kerjasama di kalangan pelajar	5 (6.8)	5 (6.8)	64 (86.4)	2.80	8 (10.8)	3 (4.1)	63 (85.1)	2.74
38	Saya diselia dalam aspek pengamalan konsep kebersihan	8 (10.8)	8 (10.8)	58 (78.4)	2.68	12 (16.2)	6 (8.1)	56 (75.7)	2.59
39	Saya diselia dalam aspek mewujudkan suasana tenteram dan harmoni	6 (8.1)	8 (10.8)	60 (81.1)	2.73	7 (9.5)	3 (4.1)	64 (86.4)	2.77
40	Saya diselia dari aspek keyakinan diri yang tinggi,	7 (9.5)	5 (6.8)	62 (83.7)	2.74	7 (9.5)	2 (2.7)	65 (87.8)	2.78
	bersemangat dan ceria								
	Purata Keseluruhan	10.2	7.4	82.4	2.72	11.0	4.5	84.5	2.73

(n = 74)

Nota: TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju

Berdasarkan pada Jadual 2, bagi pernyataan item ketiga puluh dua .saya diselia dalam aspek interaksi yang baik dengan pelajar. seramai 60 orang responden (81.1%) menjawab setuju, 8 orang responden (10.8%) tidak bersetuju dan baki 6 orang responden (8.1%) menjawab tidak pasti bagi penyeliaan yang dilakukan oleh guru pembimbing. Nilai min pula adalah 2.70. Penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM pula menunjukkan seramai 65 orang responden

(87.8%) bersetuju dan masing-masing 6 orang responden (8.1%) dan 3 orang responden (4.1%) menyatakan tidak bersetuju dan tidak pasti untuk item yang sama. Nilai minnya adalah 2.80.

Bagi item ketiga puluh tiga yang melibatkan guru pembimbing, seramai 61 orang responden (82.4%) bersetuju bahawa guru pembimbing melakukan penyeliaan dalam aspek pengelolaan bilik darjah dan bengkel agar teratur dan selamat. Seramai 7 orang responden (9.5%) dan 6 orang responden (8.1%) masing-masing tidak bersetuju dan memberikan jawapan tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.73. Bagi penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM pula, seramai 60 orang responden (81.1%) bersetuju dengan pernyataan tersebut, 10 orang responden (13.5%) tidak bersetuju dan 4 orang responden (5.5%) lagi tidak pasti. Nilai min untuk penyelia UTM pula adalah 2.68.

Manakala bagi item ketiga puluh empat pula, seramai 60 orang responden (81.1%) bersetuju bahawa guru pembimbing melakukan penyeliaan dalam aspek kawalan pelajar di dalam kelas berbanding 11 orang responden (14.9%) menyatakan tidak setuju dan baki 3 orang responden (4.0%) lagi menyatakan tidak pasti. Min bagi guru pembimbing adalah 2.66. Bagi penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM untuk pernyataan yang sama, seramai 61 orang responden (82.4%) bersetuju dan masing-masing 9 orang responden (12.2%) dan 4 orang responden (5.5%) menyatakan tidak setuju dan tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.70.

Item ketiga puluh lima menyatakan .saya digalakkan mewujudkan pembelajaran berpusatkan pelajar., seramai 58 orang responden (78.3%) menjawab setuju, 11 orang responden (14.9%) tidak bersetuju manakala 5 orang responden (6.8%) lagi menjawab tidak pasti bagi penyeliaan yang dilakukan oleh guru pembimbing. Nilai min pula adalah 2.64. Penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM untuk item yang sama pula menunjukkan seramai 65 orang responden (87.8%) bersetuju, 7 orang responden (9.5%) tidak setuju dan baki 2 orang responden (2.7%) tidak pasti. Nilai minnya adalah 2.78.

Seramai 66 orang responden (89.0%) menyatakan setuju dengan item yang ketiga puluh enam untuk pihak guru pembimbing iaitu .saya disarankan mengambil berat perjalanan pengajaran saya., berbanding masing-masing 5 orang responden (6.8%) dan 3 orang responden (4.0%) menyatakan tidak bersetuju dan tidak pasti. Nilai min adalah 2.82. Bagi seliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM pula, seramai 64 orang responden (86.4%) menyatakan setuju untuk item tersebut, 7 orang responden (9.5%) menyatakan tidak setuju dan baki 3 orang responden (4.1%) lagi tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.77.

Bagi item ketiga puluh tujuh, seramai 64 orang responden (86.4%) bersetuju bahawa guru pembimbing melakukan penyeliaan dalam aspek mewujudkan kerjasama di kalangan pelajar dan masing-masing 5 orang responden (6.8%) menyatakan tidak setuju dan tidak pasti. Nilai minnya pula adalah 2.80. Penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM untuk item yang sama pula menunjukkan seramai 63 orang responden (85.1%) bersetuju, 8 orang responden (10.8%) menyatakan tidak setuju dan 3 orang responden (4.1%) lagi tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.74.

Item ketiga puluh lapan, .saya diselia dalam aspek pengamalan konsep kebersihan., seramai 58 orang responden (78.4%) bersetuju dan masing-masing 8 orang responden (10.8%) menyatakan tidak setuju dan tidak pasti untuk seliaan yang dilakukan oleh guru pembimbing. Nilai min adalah 2.68. Bagi penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM untuk item yang sama, seramai 56 orang responden (75.7%) bersetuju, 12 orang responden (16.2%) tidak bersetuju dan baki 6 orang responden (8.1%) menyatakan tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.59.

Manakala bagi item ketiga puluh sembilan, seramai 60 orang responden (81.1%) bersetuju bahawa guru pembimbing melakukan penyeliaan dalam aspek mewujudkan suasana

tenteram dan harmoni berbanding masing-masing 6 orang responden (8.1%) dan 8 orang responden (10.8%) menyatakan tidak setuju dan tidak pasti. Min bagi guru pembimbing adalah 2.73. Bagi penyeliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM untuk pernyataan yang sama, seramai 64 orang responden (86.4%) bersetuju, 7 orang responden (9.5%) tidak setuju dan baki 3 orang responden (4.1%) menyatakan tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.77.

Seramai 62 orang responden (83.7%) menyatakan setuju dengan item yang keempat puluh untuk pihak guru pembimbing iaitu .saya diselia dari aspek keyakinan diri yang tinggi, bersemangat dan ceria., berbanding 7 orang responden (9.5%) menyatakan tidak bersetuju dan 5 orang responden (6.8%) lagi tidak pasti. Nilai min adalah 2.74. Bagi seliaan yang dilakukan oleh penyelia UTM pula, seramai 65 orang responden (87.8%) menyatakan setuju untuk item tersebut, 7 orang responden (9.5%) tidak setuju dan baki 2 orang responden (2.7%) lagi tidak pasti. Nilai min pula adalah 2.78.

Kesimpulan daripada pernyataan-pernyataan ini menunjukkan purata keseluruhan maklumbalas guru pelatih terhadap penyeliaan dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas yang dilakukan oleh guru pembimbing adalah pada tahap tinggi iaitu nilai min 2.72. Manakala purata peratus keseluruhan bagi penyeliaan dalam aspek ini adalah 82.4% setuju, 10.2% tidak setuju dan tidak pasti 7.4%. Bagi penyelia UTM pula, purata keseluruhan maklumbalas dari guru pelatih terhadap penyeliaan dalam aspek kawalan dan pengurusan kelas yang dilakukan juga berada pada tahap tinggi iaitu nilai min 2.73. Purata peratus keseluruhan bagi penyeliaan dalam aspek ini adalah 84.5% setuju, 11.0% tidak setuju dan baki 4.5% tidak pasti.

Rumusan

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dijalankan, kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah persepsi guru pelatih tahun empat sesi pengajian 2007/2008 yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekanikal), di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap penyeliaan latihan mengajar yang dilakukan oleh guru pembimbing dan penyelia UTM semasa mereka menjalani latihan mengajar di sekolah. Terdapat empat aspek yang dikaji meliputi persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan guru pembimbing dan penyelia UTM sebelum sesi pengajaran berlangsung (Prapemerhatian), selepas sesi pengajaran (Pasca-pemerhatian), membuat penilaian pengajaran dan dalam aspek kawalan serta pengurusan kelas.

Sorotan penulisan dilakukan untuk mendapatkan pernyataan, pandangan serta kajian terdahulu yang dilakukan oleh penulis dan pengkaji yang lain. Sorotan penulisan tersebut juga berfungsi sebagai panduan dalam aspek pembinaan item soal selidik yang menjadi instrumen kepada kajian ini untuk mendapatkan keputusan. Seramai 74 orang responden terlibat di dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar tahun empat Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekanikal), di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Pelajar tahun empat Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dikecualikan daripada skop kajian memandangkan keutamaan mereka mengajar semasa di sekolah adalah lebih tertumpu kepada pelajar menengah rendah (Tingkatan satu hingga tingkatan tiga). Hal ini bagi mengelakkan berlakunya percampuran yang mungkin mewujudkan ketidakseragaman terhadap aspek yang dikaji terutamanya dalam aspek kawalan serta pengurusan kelas yang mungkin terdapat kelainan disebabkan perbezaan peringkat umur di antara pelajar menengah rendah dan menengah atas.

Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science, Version 12*) berdasarkan kepada skor kekerapan,

peratusan dan min. Hasil dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk penerangan yang lebih terperinci.

Rujukan

- Azizah Rajab (2006). Tahap Kebimbangan Di Kalangan Guru Pelatih TESL Di Universiti Teknologi Malaysia: Pengalaman Pre Dan Post. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998). *Psikologi I*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Clement, M. (1999). *Reducing The Stress of Teacher Training*. Comtemporary Education.
- Covey, S.R. (1991). *Principle centered leadership*. New York: Simon & Schuster.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Docking J.W (1987). *Control and Discipline in School*. London : Harper & Row Publishers.
- Hapidah Mohamed, Roselan Baki, Nadzeri Hj.Isa, Mohd.Sahandri Gani Hamzah dan Abd.Ghani Taib. (2002). Kualiti pengajaran dan pembelajaran: Satu kajian retrospektif. *Seminar Penyelidikan Pendidikan*. Institut Bahasa Melayu Malaysia. Kuala Lumpur.
- Ismail Kailani (1995). Sistem dan Strategi Penyeliaan Latihan Mengajar. *Bengkel Penyelarasan Penyeliaan Latihan Mengajar Penyelia-Penyelia Bersekutu UTM/MRSM*. 1-5 November 1995.
- Jauyah Hj. Amit (1998). *Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kursus Kemahiran Hidup Perguruan Sek. Men. Di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Maktab Perguruan Johor*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kamaruddin Hj Husin. (1994). *Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Lamb, C. (1995). *Got The Burnout Blues?* Learning. October/November.
- Muainah Ismail (2000). *Bimbingan Guru Pembimbing Terhadap Guru Pelatih STP, UTM Semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Pusat Pengajian Siswazah Universiti Teknologi Malaysia (1999). *Panduan Menulis Tesis*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Stone, E. (1984). *Supervision in Teacher Education*. London: Methuen.
- Tracy J. Sandra (1993). *Assisting and Assessing Educational Personal*. Gould Street: A Division of Simon & Schuster, Inc.
- Yap Yee Khiong (1995). *Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.